

Soalan:

1. Apakah perbezaan kepekatan antara ion klorida, Cl^- , dalam asid hidroklorik, HCl , 1.0 mol dm^{-3} dengan ion klorida, Cl^- , dalam asid hidroklorik, HCl , $0.0001 \text{ mol dm}^{-3}$?
2. Berdasarkan pemerhatian anda dalam Eksperimen 6.3, namakan hasil yang terbentuk pada anod bagi setiap elektrolit yang berikut:
 - (a) asid hidroklorik, HCl , 1.0 mol dm^{-3}
 - (b) asid hidroklorik, HCl , $0.0001 \text{ mol dm}^{-3}$
3. Namakan ion yang dipilih untuk dinyahcas pada anod bagi setiap elektrolit yang berikut:
 - (a) asid hidroklorik, HCl , 1.0 mol dm^{-3}
 - (b) asid hidroklorik, HCl , $0.0001 \text{ mol dm}^{-3}$